

PERBARISAN BULANAN PEGAWAI WARAN INSTITUT PENGAJIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN (INSTAR)

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4664-perbarisan-bulanan-pegawai-waran-institut-pengajian-pentadbiran-dan-pengurusan-instar-2

KUALA LUMPUR, 13 MAC 19 - Perbarisan Bulanan Pegawai Waran Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR) telah diadakan di Perkarangan Sekolah Muzik, Pangkalan Udara Kuala Lumpur.

Pegawai Waran INSTAR, PW U I (W) Mardiana Binti Ahmad telah memberi penekanan kepada semua penuntut supaya menjaga tahap disiplin dan tatatertib bagi mencerminkan seorang warga tentera yang sentiasa siap siaga dalam apa jua keadaan yang berlaku, dalam ucapannya.

Semasa perbarisan yang dihadiri seramai 27 anggota LLP terdiri daripada jurulatih dan penuntut kursus itu juga, beliau berpesan supaya sentiasa menerapkan amalan hormat menghormati dan tegur menegur antara semua anggota.

